

## Membuka Pintu UMNO\*



AJLIS Mesyuarat ini telah diadakan menurut Fasal 13(12) di dalam Undang-undang Tubuh UMNO ini. Tujuannya ialah supaya dapat pihak Jawatankuasa Kerja dan terutama sekali Yang Dipertua menerangkan kepada majlis ini perkara-perkara yang mustahak yang telah berlaku dari semenjak persidangan pada akhir bulan Ogos tahun yang lepas, serta juga memberi peluang-peluang kepada bahagian-bahagian melalui wakilnya membawa perkara-perkara yang difikirkan mustahak dibahaskan di dalam majlis ini.

Semenjak persidangan pada bulan Ogos tahun yang lepas itu, bilangan ahli-ahli UMNO telah bertambahlah sebanyak 16 262 orang iaitu daripada jumlah 80 427 telah menjadi pada hari ini sebanyak 96 689 orang. Bilangan ahli-ahli itu telah dikumpulkan daripada kenyataan yang telah diminta daripada bahagian-bahagian ini. Akan tetapi saya patut juga menyatakan iaitu daripada 32 bahagian UMNO maka hanyalah 14 bahagian sahaja yang telah mengadakan kenyataan-kenyataan itu sehingga akhir bulan Januari tahun ini, iaitu bermakna bahagian-bahagian yang baki itu belum menyempurnakan kehendak daripada ibu pejabat, dan dari itu adalah bilangan ahli-ahlinya yang saya nyatakan itu telah dikumpulkan daripada kenyataan-kenyataan yang akhir sekali yang telah dihantarkan kepada ibu pejabat itu.

Sebagai Yang Dipertua UMNO ini, saya dukacita menyatakan iaitu kebanyakan daripada bahagian-bahagian UMNO tidak menyempurnakan kewajibannya dan tidak menyempurnakan permintaan daripada ibu pejabat yang berkehendak mengemaskan pekerjaan

---

\* Ucapan di Majlis Mesyuarat Agung Setengah Tahun UMNO di Hotel Majestic, Kuala Lumpur pada 24 dan 25 Mac 1951.

UMNO ini supaya dapat pihak ibu pejabat itu menerangkan dengan secukupnya kenyataan-kenyataan yang dikehendaki kepada majlis ini berkenaan dengan bilangan ahli-ahli itu. Tambahan yang banyak sekali dalam enam bulan yang lepas ialah di dalam Bahagian Perak, yang telah bertambah sebanyak 7503 orang itu daripada jumlah 16 771 menjadi sebanyak 24 274. Saya telah dapati bahawa jumlah itu tidaklah berhenti sekadar itu sahaja. Di dalam bulan Februari ini telah ada lagi beribu penduduk-penduduk di Perak itu yang telah memasukkan dirinya serta menambahkan bilangan ahli-ahli UMNO di dalam Perak itu.

Saya mengambil peluang ini mengucapkan tahniah serta terima kasih kepada ketua-ketua serta pegawai-pegawai sama ada yang ada di dalam bahagian-bahagian ataupun di cawangan-cawangan yang telah bekerja dengan bersungguh-sungguh dan dengan bermuafakat dengan segala lapisan pada menambahkan bilangan ahli-ahli UMNO di dalam Perak itu. Apa yang telah dilakukan oleh Bahagian Perak itu, saya percaya boleh dilakukan oleh tiap-tiap bahagian yang lain sekiranya pegawai-pegawai bahagian itu serta pegawai-pegawai di dalam tiap-tiap satu cawangannya mengambil usaha lebih daripada yang ada sekarang pada menambahkan ahli-ahlinya itu. Dalam pada itu ada beberapa buah lagi bahagian-bahagian UMNO yang telah menambahkan bilangan ahli-ahlinya sungguhpun tidak sebegitu banyak sebagaimana Bahagian Perak, tetapi patut juga saya menyebut di sini, di hadapan majlis ini akan pekerjaan dan perusahaan pihak Bahagian Kedah yang telah menambahkan bilangan ahlinya, padahal kita ketahui iaitu di Kedah itu ahli-ahli UMNO dan pegawai-pegawainya telah menghadap berbagai-bagai halangan yang menyukarkan perjalanannya itu, begitu juga di negeri Pahang.

Ketiga-tiga bahagian itu telah dapat menambahkan bilangannya sungguhpun, saya percaya tidak sebanyak yang dikehendaki olehnya sendiri. Akan tetapi kita hendaklah ingat iaitu adalah keadaan di negeri Pahang itu ada lebih susah daripada keadaan di lain-lain negeri di dalam Persekutuan Tanah Melayu ini. Dari itu tambahan di negeri Pahang itu sungguhpun kecil daripada negeri Perak ataupun daripada negeri Kedah tetapi bolehlah juga dikatakan serupa kerana memandang kepada kesusahan dan keadaan yang ada di dalam negeri itu. Begitu juga bahagian-bahagian di Negeri Sembilan sedang berusaha menambahkan bilangan ahli-ahlinya yang saya percaya akan bertambah dengan lebih banyak dan saya

harap akan bertambah dengan lebih banyak di dalam masa sebelum kita adakan persidangan tahun ini.

Apakala dipandang kepada bilangan ahli-ahli UMNO adalah satu bahagian daripadanya menarik pandangan pihak Jawatankuasa Kerja Agung UMNO ini, iaitu bilangan ahli-ahli kaum ibunya yang tidak berpadanan dengan bilangan penduduk-penduduk kaum ibu yang ada di dalam Persekutuan Tanah Melayu. Pada hari ini bilangan kaum ibu itu adalah berjumlah lebih kurang 10 000 orang iaitu bermakna 10 peratus daripada 3500 orang manakala lain-lain negeri di dalam Persekutuan Tanah Melayu ini belum nampaknya berusaha dengan kuatnya memujuk kepada kaum ibu kita itu supaya mencampurkan dirinya di dalam golongan UMNO ini. Saya tidak mengurangkan sedikit pun akan mustahaknya pihak kaum ibu Melayu itu tentang bahagian yang patut diambilnya di dalam pertubuhan ini.

Dari itu saya berharap wakil-wakil daripada tiap-tiap bahagian apakala balik semula ke tempatnya akan merundingkan hal ini dengan ahli-ahli Jawatankuasa Kerjanya supaya berikhtiar dengan lebih-lebih kuat lagi memujuk kepada kaum ibu ataupun barangkali yang lebih patut memujuk kepada suami atau ibu bapanya supaya meluluskan kaum ibu itu menceburkan dirinya di dalam pertubuhan ini. Selagi UMNO ini tidak ada mempunyai bilangan ahli-ahli kaum ibunya yang berpadanan dengan jumlah kaum ibu di Persekutuan Tanah Melayu ini maka saya umpamakan pertubuhan ini ibarat sebuah badan yang hanya mempunyai sebelah tangan dan sebelah kaki sahaja.

Bagi menggalakkan pekerjaan kaum ibu itu maka akan dicadangkan di dalam mesyuarat yang akan datang meminta persetujuan daripada majlis ini mengadakan suatu Perikatan Kaum Ibu UMNO yang akan ditanggungkan ke atasnya pekerjaan menggalakkan ikhtiar serta menggalakkan perusahaan pada membaguskan hal-hal di rumah tangganya, kemajuan kaumnya bagi faedah tempat kediamannya dan juga bagi faedah negeri ini. Adalah terbuka peluang yang besar kepada kaum ibu Melayu di lapangan yang berkenaan dengan kerja-kerja pertukangan di rumah-rumah sendiri serta pekerjaan *social welfare* atau pekerjaan menjaga di atas kesihatan dan keadaan kehidupan masing-masing itu, serta menggalakkan dan mengadakan ajaran dan pelajaran di dalam ilmu-ilmu pertukangan serta menggalakkan kaum ibu supaya lebih-lebih bercermat dan lebih-lebih bermuafakat atas kerja-kerja yang boleh mendatangkan fae-

dah bukan sahaja kepada kaum ibu itu sendiri melainkan juga kepada kaum laki-laki dan kepada penduduk-penduduk di negeri ini. Dan juga supaya menimbulkan daripada bilangan kaum ibu itu kepandaiannya dan kebolehan nya supaya dapat kaum ibu itu mengambil bahagiannya yang sebenar di dalam pekerjaan di dalam negeri Persekutuan Tanah Melayu ini.

Sungguhpun akan diaturkan perkara-perkara yang boleh dan patut dijalankan oleh kaum ibu itu tetapi tidak pula diniatkan supaya kaum ibu itu menceraikan dirinya sekali daripada perkara-perkara yang berkenaan dengan siasah negeri. Kaum ibu itu akan mempunyai haknya apakala dijalankan pilihan raya oleh kerana kaum ibu itu akan sama mempunyai hak berundi seperti juga kaum laki-laki.

Saya sendiri akan berikhtiar dengan bantuan dan pertolongan daripada ahli-ahli Jawatankuasa Kerja supaya menggalakkan tiap-tiap bahagian dan cawangan bekerja dengan lebih giat daripada yang telah sudah pada menyempurnakan dan menghasilkan tujuan-tujuan UMNO itu dan sekiranya galakan itu didatangkan dengan kuatnya, dengan bertalu-talunya maka saya meminta kepada pegawai-pegawai di dalam tiap-tiap bahagian dan cawangan-cawangan menerima galakan itu serta menyambutnya seolah-olah galakan itu datang daripada dirinya sendiri.

Berkenaan dengan Perikatan Pemuda molek juga saya menerangkan perasaan diri saya sendiri terhadap kepada Perikatan Pemuda UMNO itu. Oleh kerana pada pendapat dan pandangan saya adalah ahli-ahli Perikatan Pemuda itu telah lari daripada tujuan-tujuan Perikatannya, tidak menjalankan serta menyempurnakan barang yang telah diterima olehnya sendiri melainkan masih berkehendak menumpukan segala pandangannya semata-mata kepada perkara-perkara yang berkenaan dengan siasah negeri. Saya tidak melarang kepada pemuda-pemuda mengambil bahagiannya di dalam perkara-perkara siasah. Oleh kerana hak itu sudah tertentu ada kepadanya sebagai ahli sebuah cawangan bukannya semata-mata sebagai ahli Perikatan Pemuda. Dalam pada itu saya mengucapkan syukur dan beribu terima kasih kepada tiap-tiap seorang ahli Perikatan Pemuda yang telah bersabar serta mendengar nasihat daripada pihak UMNO ini berkenaan dengan kejadian-kejadian yang berlaku di Singapura sedikit hari dahulu, iaitu suatu kesabarannya yang saya percaya telah menahankan daripada berbangkit kacau-bilau dan huru-hara bahkan tumpah darah di dalam Persekutuan

Tanah Melayu ini. Maka di atas kesabaran pemuda-pemuda itu, diri saya sendiri tidaklah dapat nak menilaikan sebagaimana tinggi harganya.

Semenjak kita bersidang pada akhir bulan Ogos yang lepas maka beberapa perkara yang mustahak telah berlaku ataupun telah dijalankan di dalam Persekutuan Melayu ini, dan pada hari ini saya mengambil peluang menyuarakan dengan ringkasnya beberapa perkara yang mustahak itu diketahui oleh pihak majlis ini. Saya suka hendak menyatakan, pertamanya, darihal cadangan-cadangan berkenaan dengan perkara mengadakan rakyat bagi negeri-negeri Melayu. Cadangan itu telah dijalankan dan pada hari ini telah disediakan undang-undang bagi tiap-tiap sebuah negeri Melayu yang akan dizahirkan bagi pengetahuan am sedikit hari lagi dan akan dibahaskan di dalam tiap-tiap Majlis Mesyuarat Negeri Melayu, Pulau Pinang dan Melaka. Apabila zahir kelak maka ibu pejabat akan menghantarkan naskahnya kepada tiap-tiap bahagian dan diminta Bahagian-bahagian itu menyampaikan kepada cawangan-cawangan supaya ditatap dan dibawa ke majlis ini.

Seperkara lagi yang telah dijalankan ialah tentang ikhtiar-ikhtiar mengadakan pilihan raya Jemaah Bandaran, di dalam Persekutuan Tanah Melayu ini. Adapun telah diadakan jawatankuasa-jawatankuasa di dalam beberapa buah bandar yang telah menyediakan penyata-penyata berkenaan dengan pilihan raya, umpamanya di Melaka, di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Saya percaya di beberapa buah bandar besar lagi di dalam Tanah Melayu ini akan ditubuhkan Jemaah Bandaran yang seumpama itu. Oleh yang demikian itu adalah mustahak supaya kita berkemas dan bersedia bagi menerima pilihan raya itu kerana saya kebimbangan kalau kita tidak bersiap maka calon-calon UMNO akan kecewa. Demikian juga pilihan ahli-ahli bagi Majlis Mesyuarat Negeri.

Berkenaan dengan pilihan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri maka pada pendapat saya, jika UMNO berkehendak wakil-wakilnya ada di dalam Majlis-majlis Mesyuarat Negeri itu kita mesti mengambil langkah dengan kuat. Adalah ternampak bahawa ada beberapa golongan yang berkehendak supaya dilewatkan pilihan ahli-ahli Mesyuarat Negeri-negeri itu. Pada masa sekarang tiap-tiap ahli Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan itu adalah dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi, tetapi dengan berunding dengan beberapa buah persekutuan di Tanah Melayu ini.

Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu akan bersidang pada 25 dan 26 April hadapan ini. Saya suka menyatakan iaitu beberapa orang ahli-ahli Melayu akan mengambil tempat bagi kali yang pertamanya di dalam Majlis Mesyuarat itu, iaitu Yang Mulia Raja Musa Mahadi, Perak, Encik C.M. Hashim, Pulau Pinang, Tuan Haji Rejab bin Haji Mohamed Darus, Kedah, Dato' Abdul Razak bin Hussein dari Pahang, Tuan Haji Mohammad Noh bin Omar, Johor Bahru dan Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan, Terengganu. Saya harap akan dapat juga diikhtiarkan supaya ditambah seorang lagi ahli perempuan Melayu di dalam Majlis Mesyuarat itu.

Oleh kerana mustahak disatukan fikiran serta tenaga ahli-ahli UMNO yang ada di dalam Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu ini maka dicadangkan diadakan satu kumpulan daripada ahli-ahli mesyuarat yang bukan berjawatan itu dari ahli-ahli UMNO. Tetapi akan diterima juga ahli-ahli mesyuarat yang lain yang sanggup menerima akan undinya. Dengan adanya suatu kumpulan seumpama itu akan dapatlah ketetapan yang diluluskan di dalam majlis mesyuarat ini dibawa ke dalam Mesyuarat *Federal* ataupun Majlis Mesyuarat sesuatu negeri.

Saya mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli perempuan Majlis Mesyuarat Negeri yang telah diangkat di dalam tiga buah negeri, iaitu Cik Zaleha binti Mohd. Ali di Majlis Mesyuarat Negeri Selangor, Siti Rahmah binti Kassim di Majlis Mesyuarat Negeri Sembilan dan Cik Khatijah binti Abdul Aziz, Perak. Saya berharap negeri-negeri lain akan mengambil langkah seperti Selangor, Perak, Johor dan Negeri Sembilan itu yang telah memperhargakan kaum-kaum ibu memberi fikiran di dalam Majlis-majlis Mesyuarat negeri Melayu itu.

Di dalam Majlis Mesyuarat UMNO ini pada tahun 1949, yang diadakan di Seberang Perai, saya telah bayangkan, iaitu kerajaan Persekutuan ini patutlah menjalankan ikhtiar supaya mengadakan cara-cara pemerintahan berjemaah menteri. Maka jabatan-jabatan kementerian itu pada awal bulan April akan dijadikan tiga buah jabatan akan dipegang oleh orang Melayu iaitu Hal Ehwal Dalam, Tanaman-tanaman dan Galian-galian serta Perhubungan.

Semenjak dizahirkan nama-nama orang yang akan menjawat sesuatu pekerjaan dalam susunan kementerian itu, maka telah timbul teguran di atas Jabatan Pelajaran yang telah dicadangkan kepada yang bukan orang Melayu. Saya nampak teguran ini beralas kepada kebimbangan atas pelajaran Melayu yang dikhuatirkan tidak akan

mendapat timbangan yang saksama. Teguran itu telah terbit daripada salah faham. Nampaknya setengah daripada orang Tanah Melayu ini berfikir iaitu seseorang yang memegang Jabatan Kementerian itu boleh buat sesuka hatinya dengan tidak memandang Perlembagaan Negeri, Majlis Mesyuarat Persekutuan atau kepada Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. Benarlah tiap-tiap seorang menteri itu boleh mulakan sesuatu perubahan berkenaan dengan dasar atau undang-undang. Tetapi dirinya sendiri tiada boleh menjalankan sesuatu perubahan melainkan dengan persetujuan Majlis Mesyuarat Kerja Persekutuan Tanah Melayu.

Sekalipun dapat dipujuk tiap-tiap seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerja supaya menerima cadangan itu, tetapi masih ada lagi sebuah pagar yang mesti dilompat sebelum dapat dijalankan kehendaknya. Pagar itu ialah Majlis Mesyuarat Persekutuan Tanah Melayu di mana ada berpuluh-puluh ahli daripada berbagai-bagai kaum di Persekutuan Tanah Melayu ini. Seseorang menteri apabila mendatangkan cadangan yang tidak sesuai dengan kehendak negeri maka ada satu senjata yang tidak dapat tiada akan menahan seorang yang memegang jawatan menteri itu menjalankan kehendak nafsunya ke atas negeri ini, iaitu Majlis Mesyuarat Persekutuan Tanah Melayu itu yang mana boleh dengan keramaian suara ahli-ahlinya itu menurunkan seseorang menteri itu daripada jawatannya.

Halangan itu pula bukannya tamat di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan Tanah Melayu bahkan ada lagi satu pagar, dan pagar itu masa-masanya kuat ataupun masa-masanya reput, tetapi pagar itu ialah Majlis Mesyuarat Raja-raja dan akhirnya ada lagi satu pagar yang akan direput oleh seseorang menteri itu dengan cukup beraninya, kiranya dia hendak merempuh, iaitu Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.

Sekiranya hendak diambil pandangan kepada tiap-tiap jabatan yang hendak diadakan maka kesemuanya itu boleh juga diambil faham ialah mustahak kepada orang Melayu. Sesiapa berkata Pejabat Ekonomi atau Pejabat Hal Ehwal Iktisad di dalam Persekutuan Tanah Melayu ini tidak mustahak kepada orang Melayu? Siapa berkata, pejabat yang akan menjaga segala kaum buruh dan segala *trade union* itu tidak mustahak kepada orang Melayu? Siapa berkata Pejabat Perkawalan itu tidak mustahak kepada orang Melayu? Sekiranya kita hendak mengambil dan membeza-bezakan di antara mustahaknya sesuatu jabatan itu dengan yang lain maka hendaklah kita

mengambil timbangan iaitu yang lebih mustahak kepada pihak Melayu itu ialah pegang sesuatu jabatan yang terkandung di dalamnya pejabat-pejabat yang dipegang oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, bukannya pekerjaan-pekerjaan yang sememang-memangnya dipegang oleh negeri-negeri Melayu dan di bawah tadbir serta kekuasaan negeri-negeri Melayu itu. Umpamanya ialah Hal Ehwal Pelajaran dan lagi banyak yang lain-lain yang boleh didapati jika sekiranya disemak Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.

Lebih mustahak bagi seseorang Melayu itu memegang suatu jawatan yang terkandung di dalamnya pejabat-pejabat yang dipegang oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu daripada pejabat-pejabat yang dikuasai oleh kerajaan sesebuah negeri Melayu itu. Sebagai diri saya sendiri, yang telah dicadangkan menjawat Jabatan Hal Ehwal Dalam itu, maka saya mengaku di hadapan majlis ini akan berikhtiar dengan seberapa yang terdaya, dan saya berharap dengan sokongan daripada ahli-ahli Majlis Mesyuarat Persekutuan dan juga Majlis ini serta penduduk-penduduk di dalam persekutuan ini moga-moga saya menjalankan tanggungan dan pekerjaan saya itu dengan memandang semata-mata kepada faedah negeri ini dan penduduk-penduduknya. Saya mengaku akan menghormati syarat-syarat yang ada terkandung di dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, iaitu perjanjian yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat ini, terutamanya syarat-syarat di dalam Fasal 19 di dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ini.

Semenjak Persidangan yang lepas ada satu barang yang telah dijadikan oleh pihak kerajaan, yang pada pandangan saya lebih mustahak kepada penduduk-penduduk Melayu di kampung-kampung daripada lain-lain pekerjaan yang telah dijalankan oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ini. Benda itu ialah Lembaga Kemajuan dan Perusahaan Kampung-kampung. Sayugia diingat iaitu pada tahun 1948 dan sebelumnya adalah pihak Majlis Mesyuarat Agung ini sendiri telah bertalu-talu menuntut serta berkehendak supaya dijalankan ikhtiar-ikhtiar yang boleh menghidupkan iktisad orang Melayu terutamanya sekali yang ada di kampung-kampung.

UMNO sendiri telah mengadakan Jabatan Iktisadnya dan UMNO sendiri telah mengadakan rancangan iktisad tetapi yang tidak dapat dijalankan oleh UMNO sendiri ialah kemahuan dan kebolehan orang Melayu sendiri bagi menjalankan ikhtiar-ikhtiar yang telah dirancang olehnya itu. Pada hari ini, dengan ikhtiar UMNO itu maka

pihak kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah menyambut dan menjalankan perkara yang tiada dapat dijalankan oleh UMNO ini, iaitu dengan mengadakan Lembaga Kemajuan dan Perusahaan Kampung.

Adalah Lembaga Kemajuan dan Perusahaan Kampung atau RIDA itu ialah suatu benda yang khas dijadikan kerana menghidupkan perusahaan serta menggalakkan kemajuan di kampung-kampung. Di sini saya suka moga hendak mengingatkan iaitu bukannya seratus peratus daripada ikhtiar dan pekerjaan RIDA itu akan dikhaskan kepada orang Melayu malahan ikhtiar itu akan dihadapkan kepada penduduk-penduduk yang ada di dalam kampung-kampung atau yang dikatakan *rural areas*. Sekiranya kita membuang pandangan kepada jenis penduduk-penduduk yang ada di kampung-kampung itu nescaya kita akan dapati jumlah bilangannya tidak kurang daripada 80 peratus ialah orang Melayu, maka di sinilah akan terbitnya faedah yang lebih kepada orang Melayu. Akan tetapi dengan sebab seorang itu duduk di dalam sebuah kampung maka tak dapat faedah itu akan tumpah juga kepada siapa yang ada mendiami di dalam kampung itu.

Misalnya ialah sekiranya dalam sesuatu kampung itu diadakan sebatang jalan dan disambungkan kepada kampung yang lain serta disambungkan lagi sehingga keluar ke jalan raya maka tak dapat tidak jalan yang seumpama itu tidak boleh dihadkan penggunaannya kepada orang Melayu sahaja melainkan hendaklah dilapangkan dan dibukakan kepada penggunaan siapa juga yang melalui kampung itu. Demikian juga sekiranya diadakan ikhtiar mengadakan air minum yang bersih di dalam kampung-kampung maka barang mustahil hendak diletakkan suatu pelekat pada paip itu umpamanya, air ini hanyalah boleh diambil oleh orang Melayu sahaja. Begitulah keadaan pekerjaan yang akan dijalankan itu, iaitu meliputi kepada dan bagi penggunaan penduduk-penduduk di dalam kampung-kampung. Tetapi faedahnya tentulah akan lebih menumpah kepada orang Melayu sebabnya mereka itulah yang ramai duduk di dalam kampung-kampung itu.

Saya membayangkan pada pagi ini, saya sebutkan lagi 'saya membayangkan' saya ulangkan sekali lagi 'saya membayangkan' kerana saya bimbang percakapan saya ini akan dikelirukan apabila keluar daripada majlis ini. Saya membayangkan iaitu dengan kuasa yang ada kepada saya sebagai Yang Dipertua UMNO menurut Fasal 13(2)

di dalam Undang-undang Tubuh UMNO ini, bahawa saya akan menghimpunkan lagi sekali majlis mesyuarat ini supaya merundingkan suatu cadangan yang telah mendapat persetujuan daripada pihak Jawatankuasa Kerja Agung UMNO, iaitu supaya dibukakan pintu UMNO ini kepada lain-lain orang yang bukannya daripada bangsa Melayu dan supaya dipinda namanya itu daripada 'Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu' dijadikan *United Malaya*. Saya ulangkan sekali lagi *United Malaya* bukannya *Malayan*. Saya ulangkan bukannya *Malayan Organisation*. Maka adalah dicadangkan sekiranya mendapat persetujuan supaya ditukar sebutan *United Malays National Organisation* itu dan dijadikan *United Malaya National Organisation*. Cadangan ini bukannya satu cadangan yang ganjil dan bukannya satu cadangan yang patut memeranjatkan ahli-ahli UMNO apalagi wakil-wakil yang ada di dalam majlis ini. Cuba kita pandang kepada Undang-undang UMNO kita ini nescaya kita akan dapati iaitu satu daripada tanggungan dan ikhtiar UMNO ini ialah menjalankan langkah dengan tujuan mendirikan sebuah kerajaan yang memerintah dengan merdekanya di Malaya.

UMNO, Majlis Raja-raja dan saya percaya Majlis Mesyuarat Persekutuan Tanah Melayu serta Majlis Mesyuarat Negeri-negeri Melayu akan meluluskan sama ada dengan berpindah ataupun tidak akan undang-undang berkenaan dengan mengadakan kerakyatan bagi sesebuah negeri Melayu itu, iaitu undang-undang yang akan meluluskan orang yang bukan Melayu menjadi rakyat kepada raja Melayu. Sekiranya undang-undang yang seumpama itu diluluskan dan sekiranya lain-lain perkara yang telah terzahir di hadapan mata kita pada hari ini dipersetujukan satu daripadanya akan dibahaskan oleh majlis ini, barangkali petang ini ataupun besok, kiranya cadangan-cadangan yang seumpama itu dipersetujukan maka pada pandangan saya tidak ada satu galangan kiranya dibukakan UMNO itu kepada lain-lain orang yang bukannya daripada bangsa Melayu.

Saya telah mengingatkan kepada penduduk-penduduk Melayu, rasanya 18 bulan lamanya sehingga saya letih dan lesu. Saya telah cuba menarik pandangan pihak Melayu supaya mereka mendapat pengertian dan fahaman atas perubahan-perubahan yang berlaku dari satu ke satu masa di dalam Persekutuan Tanah Melayu ini. Saya telah berbelas-belas bulan lamanya meminta kepada ahli-ahli UMNO supaya mendedahkan pintunya sebelum pintunya itu ditutup oleh lain-lain orang. Pada hari ini, saya percaya wakil-wakil yang ada

tentulah tahu iaitu sudah pun ada ura-ura dan cadangan-cadangan dan bunganya akan berputik serta berbuah, iaitu cadangan hendak mengadakan parti-parti politik di dalam Persekutuan Tanah Melayu, satu daripadanya *Labour Party* ataupun *Progressive Party* iaitu parti-parti atau kumpulan yang tidak akan menghadkan ahlinya kepada satu kaum atau satu bangsa sahaja bahkan akan mendedahkan pintunya kepada barang siapa yang sanggup taat akan undang-undang yang diluluskan oleh parti itu.

Kita hendaklah menggesek biola dengan kuat akan lagu gesekan kita, jangan sampai lain orang menggesek kita hanya menari sahaja menurut lagu gesekannya. Apa yang saya bayangkan ini, saya akan siapkan dan akan dihantar kepada tiap-tiap bahagian dan cawangan yang diharap akan disemak, ditimbang dan dihaluskan oleh ahli-ahli UMNO sendiri sama ada hendak ditolak atau diterima dengan bulat-bulat maka terpulanglah kepada wakil-wakil sendiri. Saya sendiri berfikir bahawa langkah itu mustahak dan wakil-wakil tentulah lebih sedar.

Saya mengambil peluang hari ini mengingatkan bahawa UMNO ada suaranya, iaitu *Suara UMNO* yang mana telah diterbitkan dengan sebab tuntutan daripada ahli-ahli UMNO sendiri. Dan sesudah terbitnya pula diharap akan dapat sokongan daripada ahli-ahli UMNO sendiri juga supaya dapat dielakkan lagi keadaannya dari semasa ke semasa. Saya harap *Suara UMNO* dapat menjadi suara penduduk Tanah Melayu. *Suara UMNO* ini telah mendapat sokongan dengan kuat bukan sahaja dengan seruan atau cakap-cakap tetapi sokongan yang sebenar-benarnya telah diterima daripada Ahli-ahli Bersekutu UMNO, rasanya lebih daripada ahli-ahli biasa UMNO sendiri. Ahli-ahli Bersekutu itu telah menyokong *Suara UMNO* ini, dan oleh kerana memandangkan sokongan itu dan kerana mustahaknya *Suara UMNO* itu dapat dibaca oleh lain orang yang tiada tahu tulisan Jawi maka akan dibuat dengan huruf Rumi akan perkara-perkara yang mustahak yang *zahir* di dalamnya, iaitu bersambilan seta dikeluarkan bersama-sama di dalam *Suara UMNO* itu.

Patut saya mengulang dan menyebut di sini sebelum saya menamatkan ucapan saya ini, dengan memuji Kaum Ibu Bahagian Johor Bahru, Terengganu, Batu Pahat serta Cawangan Ipoh yang telah mengambil peluang dengan lemah lembutnya menjalankan ikhtiar memugut derma pelajaran tinggi kaum ibu. Derma itu sekarang telah lebih daripada \$2,500 Sebanyak \$1,500 daripada jumlah itu

ialah daripada Cawangan Ipoh sahaja. Saya harap lain-lain bahagian akan mencontohkan kebolehan ahli-ahli perempuan di tempat-tempat yang tersebut tadi.

Satu perkara lagi iaitu perkara penduduk-penduduk Jenderam yang kena tahan di khemah tahanan Kluang, maka UMNO telah mengambil tanggungan di atas perkara Jenderam itu dan telah pun memberi pertolongan kepada penduduk-penduduk yang tertahan itu. Bantuan itu bukannya daripada UMNO sahaja melainkan daripada seluruh Tanah Melayu ini dan ahli-ahli UMNO sendiri telah menghantar wang dan kain bagi penggunaan mereka.

Sebagai satu pertubuhan siasah maka masa-masanya boleh juga kita menegur kepada lain-lain pertubuhan dengan tidak diharapkan mendatangkan sangkaan yang kita hendak merubahkan pertubuhan itu, melainkan kita menegur bagaimana sebuah pertubuhan itu menegur kita juga dan kita terima tegurannya dengan senyum.

Ibu pejabat telah mengeluarkan satu siaran kepada bahagian-bahagian UMNO mengingatkan iaitu menurut Undang-undang Tubuh UMNO, seseorang ahli UMNO tiada boleh menjadi ahli P.M.S. kerana dasar tujuannya berlainan dengan UMNO. Pihak Pemuda UMNO menjerit 'Merdeka' tetapi pihak P.M.S. kalau boleh tak mahu sebut pun perkataan itu. Apalagi hendak ada di dalam kamus pertubuhan itu. Bukanlah pada pendapat UMNO yang berkumpul itu sebenar-benarnya akan menyelamatkan umat Melayu, bahkan ini hanyalah sebagai gerak langkah yang akan memecahbelahkan pertubuhan Melayu yang diusahakan oleh orang Melayu di Persekutuan Tanah Melayu ini.